

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6. BILANGAN 1.

BANDAR BRUNEI, RABU 4 JANUARY, 1961 (17 Rejab, 1380)

PERCHUMA

TITAH D. Y. M. M. MENYAMBUT TAHUN BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia telah menyampaikan titah baginda kepada penduduk2 negeri ini kerana menyambut tahun baharu 1961.

Titah Baginda ada-lah seperti di-bawah ini :

"Beta berasa sukachita kerana sekali lagi dapat memberi ucapan Selamat Tahun Baharu 1961 kepada sekalian ra'ayat Brunei. Beta berharap agar tiap2 sa-orang daripada tuan2 telah mengalami kebahagiaan dalam tahun yang lalu dan semoga tahun yang akan datang ini akan memberi kebahagiaan dan kema'amuran yang lebeh2 lagi kepada tuan2 sekalian.

"Dunia yang kita diami sekarang mengalami perubahan2 dan peredaran yang pantas. Kita dapat menyaksikan di-hadapan kita bahawa perubahan bentok di-beberapa buah negeri dan timbul-nya beberapa buah negara baharu yang merdeka di-alam ini.

"Ada di-antara negeri2 ter-



D.Y.M.M. Sultan.

sebut ada yang telah mencapai hasrat mereka dengan chara bersansor2 dan mengikut perlembagaan, dan sebagaimana kita semua telah mendengar ada sa-

barang, berperasaan muhibbah dan saling mengerti mudah2han di-tahun 1961 dan tahun2 yang akan datang akan bertambah lagi kema'amoran dan kebahagiaan yang akan dinikmati oleh sekalian ra'ayat yang ada di-Negeri ini."

"Bagi kita di-Brunei, gambar sejarah yang baharu berlaku dalam tahun lalu, patut-lah menjadi satu tauladan, pelajaran sebagai gambaran untuk panduan.

"Harus tidak ada satu2 negeri di-dunia ini yang tidak berhasrat untuk mendapatkan kemajuan ekonomik dan kema'amuran bagi ra'ayat jelata-nya, dan juga ada-lah tujuan serta hasrat negeri2 yang merdeka itu akan menunjukkan kebolehan mereka untuk berdiri di-atas kaki mereka sendiri.

"Brunei pun ada mempunyai idaman yang sedemikian, tetapi dalam perjalanan kita ka-arrah kemajuan, mustahak sungguhpaya kita berchermat dan berhati2 menyusun langkah kita agar mendatangkan fa'edah kepada ra'ayat di-negeri ini dan mudah2han kema'amuran dan ke'amanan akan berkekalan.

"Dari itu dalam tahun yang akan datang hendak-nya kita berazam supaya bersatu padu untuk mendapatkan tujuan hasrat kita dengan segala kesa-

bar, berperasaan muhibbah dan saling mengerti mudah2han di-tahun 1961 dan tahun2 yang akan datang akan bertambah lagi kema'amoran dan kebahagiaan yang akan dinikmati oleh sekalian ra'ayat yang ada di-Negeri ini."

TAHUN YANG MUSTAHAK— kata Tuan White

BANDAR BRUNEI.—Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D. C. White mengucapkan Selamat



Y.T.U. Tuan D. C. White.

Tahun Baharu 1961 kepada penduduk2 di-seluruh Negeri Brunei.

Dalam ucapan-nya Tuan White berharap semoga penduduk2 negeri ini akan mendapat keamanan dan kebahagiaan pada tahun ini.

"Tahun 1961 akan menjadi satu tahun yang mustahak, sebab kita akan menyaksikan pilihan raya yang pertama sekali di-adakan dalam negeri ini.

"Kita telah melihat perjalanan pilihan2 raya di-lain2 negeri dan boleh juga dapat belajar daripada kejayaan dan kesilapan yang telah di-buat.

"Kita yang mangunder pada masa hadapan akan menanggung kewajiban yang berat dan juga wakil2 yang di-pilih oleh kita akan menanggung juga kewajiban yang sama tentang soal kebijakan warga negara Brunei", kata Tuan White.

Beliau menyatakan bahawa beliau berasa yakin yang penduduk2 negeri ini akan dapat menanggung kewajiban tersebut dengan kejayaan, sambil berharap tahun yang baharu ini akan menjadi tahun yang aman dan sentosa.

D.Y.M.M. BERANGKAT KA-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang hari Jumaat 30 December yang lalu untuk menghadiri istiadat pertabalan Duli Yang Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu.

Istiadat pertabalan Yang Dipertuan Agong tersebut akan dilangsungkan di-Kuala Lumpur pada hari ini.

Baginda di-jadualkan berada di-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama kira2 sa-bulan.

Turut berangkat bersama2 dengan Duli Yang Maha Mulia ka-Kuala Lumpur ia-lah putera sulung baginda Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassan Bolkiah dan putera yang kedua kepada Baginda, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah serta putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, putera2 Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha dan putera Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Mohamed Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud.

Putera2 Diraja tersebut telah balek ka-Kuala Lumpur untuk meneruskan pelajaran masing2 sa-lepas berchuti di-Brunei baharu2 ini.

Di-antara ramai yang hadir di-lapangan terbang tempat (Bersambung di-muka 5)

MENDAPAT KURNIAAN C. P. M.

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah dengan sukachita mengurniakan pingat Colonial Police Medal dalam sinarai kurniaan kehormatan2 tahun baharu kepada A. S. P. Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Abdul Rajid.

Pengiran Jaya pada masa ini menjadi O.C.P.D. Brunei.

Beliau di-lahirkan di-Brunei dalam tahun 1925 dan mulai berkhidmat sa-bagai sa-orang anggota pulis di-negeri ini pada 24 September 1945.

Pengiran Jaya telah di-naikkan pangkat menjadi Inspektor pada 1 April, 1948 dan Senior Inspektor 6 tahun kemudian.

Pada 1 September, 1956 beliau telah dilantik menjadi Assistant Superintendent Police.

Dalam masa perkhidmatan-nya dengan Pasukan Pulis Negeri Brunei Pengiran Jaya telah mengahdhi satu kursus latehan pegawai pulis di-England sa-lama 6 bulan pada tahun 1955.



Pengiran Jaya.

Kejayaan Pemuda Brunei di-Australia

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pemuda tempatan yang telah mencapai kejayaan yang besar dalam lapangan pertadbiran, pergerakan pemuda dan bola sepak di-Australia telah balek ka-Brunei pada hari Rabu yang lalu.

Beliau ia-lah Awangku Idris putera yang ka-empat kapada Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed bin Pengiran Piut.

Awangku Idris di-lahirkan di-Brunei suku abad yang lalu telah belajar di-Kuching, Sarawak sa-lama enani tahun. Dalam masa itu beliau telah belajar di-Pusat Latehan Batu Lintang sa-lama 4 tahun dan di-Sekolah Inggeris Saint Thomas sa-lama 2 tahun.

Beliau telah berangkat ka-Australia pada penghujung tahun 1954 untuk melanjutkan pelajaran atas perbelanjaan-nya sendiri.

Empat tahun kemudian Awangku Idris telah mengambil kursus pertadbiran di-Perth Technical College, Australia Barat.

Kini, beliau telah balek ka-tanah ayer-nya sa-telah mencapai kejayaan dalam kursus tersebut.

Bagaimana pun, Awangku Idris akan berangkat balek ka-Australia sa-lepas Hari Raya Puasa hadapan.

Pemergian-nya ka-Australia pada kali ini bukan-lah untuk belajar di-maktab tersebut lagi, akan tetapi beliau akan berkhidmat dengan Lembaga Bandaran Claremont, Australia Barat di-bahagian pertadbiran sa-lama kira2 sa-tahun.

Ketika di-temui di-rumah ayah-henda-nya Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed pada petang hari Rabu yang lalu, Awangku Idris berasa sukachita menunjukkan kapada penulis banyak piala2 perak dan perisai serta lain2 hadiah yang beliau telah memperolehi semenjak beberapa tahun yang lalu.

Di-antara chenderamata2 tersebut ia-lah 2 buah Perisai2 Melaya Merdeka untuk pemain2 bola sepak yang terbaik sa-kali di-Australia Barat pada tahun 1958 dan 1960.

Sa-buah lagi chenderamata yang beliau sangat menghargakan ia-lah piala perak untuk pemain bola sepak Klab Malayan Tigers yang terbaik sa-kali di-negeri tersebut.

Bintang Radio Brunei

BANDAR BRUNEI. — Radio Brunei, Bahagian Melayu akan mengadakan pertandingan Bintang Radio Brunei Tahun 1961 sa-bagaimana yang telah di-langsungkan pada tahun yang lalu.

Pertandingan akhir untuk menentukan kejohanan sa-negeri ini akan di-adakan di-Bandar Brunei pada masa Hari Raya Puasa.

sebut. Awangku Idris telah mendapat hadiah piala perak itu pada tahun 1959.

Meskipun Awangku Idris berasal dari Brunei, akan tetapi beliau telah berkhidmat dengan pasukan Klab Malayan Tigers tersebut sa-bagai Setia Usaha dan dengan hal itu beliau telah berusaha dengan sesungguh-nya untuk memajukan pasukan bola sepak itu di-Australia.

Bukan sahaja Awangku Idris chenderong dalam lapangan pertadbiran dan bola sepak sa-bagai

mana tersebut, bahkan beliau tidak juga ketinggalan menunjukkan jasa-nya terhadap lapangan pemuda.

Sa-masa di-Australia beliau telah menjadi Presiden, Persatuan Penuntut2 Muslim di-Australia Barat.

Pada tahun yang lalu Awangku Idris telah menghadiri kursus di-Australia dan pada akhir kursus itu beliau telah mendapat hadiah Sijil Ketua Pemuda Suka-rela, pada 13 October, 1960.

Ada-lah di-harapkan bahawa sa-telah Awangku Idris kembali ka-tanah ayer-nya pada masa hadapan kelak, beliau akan dapat memberi pertolongan yang besar bukan sahaja terhadap pertadbiran negeri bahkan terhadap pergerakan pemuda-pemudi dan juga permainan bola sepak di-negeri ini.—MZA

Bakal Pegawai2 Tentera Brunei

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pemuda2 dari Brunei telah berkepas ka-Persekutuan Tanah Melayu pada bulan December yang lalu untuk berlatih sa-bagai bakal pegawai2 dalam Pasukan Tentera Brunei.

Pemuda2 it ia-lah Awangku Ibnu bin Pengiran Apong, Sulaiman bin Damit dan Mohamed bin Haji Daud.

Mereka akan berlatih di-Maktab Tentera sa-lama dua tahun atas perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.



Awangku Idris (duduk — kanan sa-kali) bergambar dengan sa-bilangan penuntut2 di-Australia yang datang dari luar negeri.

Malam Ugama Sekolah Melayu Berakas

BERAKAS. — Sekolah Melayu Berakas telah mengadakan satu majlis peraduan2 bacaan al-koran, rawi dan sharahan agama di-dewan sekolah itu pada malam 14 December yang lalu.

Majlis tersebut telah di-adakan sa-bagai sambutan akhir tahun persekolahan 1960.

Yang Mulia Inspektor Muhammad bin Muhammad Salleh, pengerusi jawatan kuasa majlis tersebut telah membuka majlis dengan memberi kata2 sumbangan yang berharga.

Kemudian Chegu Mohamed Salleh bin Haji Abdul Majid, setia usaha majlis itu telah memberi penerangan berhubung dengan tujuan mengadakan majlis tersebut.

Sa-lepas itu para hadhirin telah membaca do'a arwah kapada Mohamed Suha bin Dahlan, bekas murid Sekolah Melayu Berakas yang telah meninggal dunia di-Rumah Sakit Besar,

Bandar Brunei kira2 tiga bulan dahulu.

Keputusan peraduan2 yang telah di-langsungkan di-majlis tersebut ada-lah saperti di-bawah ini:

Bacaan al-koran murid2 laki2: 1. Noordin bin Ya'akub 2. Ahmad bin Ja'afar dan 3. Redzuan bin Haji Adenan.

Bacaan al-koran murid2 perempuan: 1. Masturah binte Mohamed Salleh 2. Noridah binte Muhammad dan 3. Noriah binte Muhammad.

Bacaan al-koran orang2 dewasa laki2: 1. Inche Abdul Razak bin Abdul Hai 2. Pengiran

Apong bin Pengiran Ra'of dan 3. Inche Abdul Hamid bin Abdul Ghafar.

Bacaan rawi murid2 perempuan: 1. Dayangku Damit binti Pengiran Tajuddin 2. Mordian binte Muhammad.

Sharahan agama murid2 laki2 dan perempuan: 1. Awangku Julaihi bin Pengiran Othman 2. Noridah binti Muhammad dan 3. Norsiah binti Mohammed Yusuf.

Yang Dimulikan Begawan Mudim Haji Adnan bin Dato Imam Haji Mokti, Kadhi, Brunei telah menyampaikan hadiah2 kapada para peserta yang berjaya dalam peraduan2 tersebut serta juga hadiah kapada murid2 agama sekolah itu yang berjaya dalam peperiksaan2 pada tahun ini.

PULIS: PERGI DAN DATANG

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 20 orang pelateh2 pulis yang baharu akan berangkat ka-Kuala Lumpur untuk berlateh di-Sekolah Latehan Pulis sa-lama beberapa bulan.

Sementara itu 14 orang dari Brunei yang telah berlateh di-Sekolah Latehan Pulis di-Kuala Lumpur pada tahun yang lalu telah balek ka-negeri ini pada 20 December.

PEPEREKSAAN MASOK KA-MAKTAB PERGURUAN

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan masok ka-Maktab Perguruan Melayu Brunei pada tahun ini akan di-adakan pada hari Sabtu 7 January di-Bandar Brunei, Tutong dan Kuala Belait seperti di-bawah ini:

Di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei — untuk guru2 pelateh sekolah2 Melayu, Bandar Brunei, Bahagian Luar Bandar dan Bahagian Temburong. Peperiksaan itu akan di-kawal oleh Nazir2 Bahagian2 tersebut.

Di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong — untuk guru2 pelateh sekolah2

Melayu Bahagian Tutong. Peperiksaan itu di-kawal oleh Nazir sekolah2 Melayu Tutong dan Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim.

Di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait — untuk guru2 pelateh sekolah2 Melayu bahagian Kuala Belait. Peperiksaan itu akan di-kawal oleh Nazir Sekolah2 Melayu Belait dan Guru Besar, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Menurut satu siaran yang diterbitkan oleh Pegawai Pelajaran Negara, Brunei, semua guru2 pelateh laki2 dan perempuan yang belum berkahwin ada-lah di-kehendaki masok dalam peperiksaan tersebut.

Pelajaran2 yang akan di-pereksa dan jadual waktu-nya sa-bagai mana yang telah di-tetapkan adalah saperti di-bawah ini:

Ilmu Hisab, Algebra dan Geometry daripada pukul 8 hingga pukul 10 pagi.

Bahasa Melayu daripada pukul 10.10 hingga pukul 11.40 pagi.

Renchana (di-petek dari Buku Sejarah Melayu) daripada pukul 11.50 pagi hingga pukul 12.20 tengah hari.

Ilmu Alam dan Ilmu Bumi daripada pukul 2 hingga pukul 3.30 petang.

Pengetahuan 'Am daripada pu-

kul 3.40 hingga pukul 4.25 petang.

Guru2 pelateh yang berjaya dalam peperiksaan itu akan berlateh di-maktab tersebut sa-lama tiga tahun.

PANCHARAGAM POLIS BRUNEI

BERAKAS — Pancharagam Pulis Negeri Brunei di-bawah pimpinan Tuan R.E. House A.R.C.M. akan bermain sa-banyak empat kali di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait pada bulan ini.

Pada pukul 7 malam 8 January pancharagam pulis itu akan bermain ditempat pancharagam, berhampiran dengan Rumah Tumpangan Kerajaan di-bandar ini.

Pancharagam itu akan bermain di-rumah Persatuan Jurutera China di-Seria pada hari Khamis 12 January mulai pada pukul 5 petang.

Pada hari Khamis 19 January pancharagam itu akan bermain di-kawasan Rumah Sakit Kerajaan di-Bandar Brunei mulai pada pukul 4.30 petang.

Persembahan-nya yang akhir pada bulan ini ia-lah di-kawasan tempat simpanan kereta2 sewa di-Kuala Belait pada pukul 5 petang hari Khamis 26 January.


Persidangan malaria di-Jesselton

BANDAR BRUNEI. — Doktor Abdul Wahab Ariff, Pegawai Perubatan Negara, Brunei dan Tuan John Then, Inspektor Kesihatan tempatan telah mewakili Negeri Brunei dalam Persidangan Malaria Kawasan Borneo Kali Yang ka-sapuluh di-Jesselton, Borneo Utara pada bulan yang lalu.

Persidangan itu telah di-adakan sa-lama empat hari mulai dari hari Thalatha 13 December.

Doktor Abdul Wahab dan

Brunei, Sarawak, Borneo Utara, Singapura, Indonesia, Sharikat Minyak Shell dan juga wakil2 dari Pertubohan Kesehatan Dunia.



Doktor Abdul Wahab Ariff di-kiri dan Tuan John Then di-sabelah-nya.

Tuan John Then telah berlepas ka-Jesselton dengan kapal terbang pada hari Ithnin 12 December.

Beliau2 itu telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Sabtu 17 December.

Gabnor Borneo Utara, Tuan Yang Terutama Sir William Goode telah membuka persidangan itu.

Sa-lain daripada mengambil bahagian dalam persidangan tersebut, para perwakilan telah melawat ka-kawasan Kota Belud kerana menyaksikan pekerjaan yang di-lakukan di-sana bagi menghapuskan demam malaria.


Wakil2 yang hadir dalam persidangan tersebut ia-lah dari

PESUROH JAYA TINGGI BUKA TOH PEH KONG

BANDAR BRUNEI — Pesuroh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Yang Terutama Tuan D. C. White telah mengishtiharkan pembukaan rasmi bangunan baharu toh peh kong China di-sini pada pagi hari Thalatha 27 December yang lalu.

Bangunan baharu itu bernama "Toh Peh Kong Kwong Chek Choon Ong", letak-nya di-Jalan Kianggeh telah di-bena oleh kaum China tempatan dengan memakan perbelanjaan sa-banyak hampir2 \$300,000.

Daripada perbelanjaan tersebut, Kerajaan Brunei telah menderma wang sa-banyak \$40,000. Tuan White telah mengucapkan tahniah kepada semua pehak yang telah bekerjasama dan berusaha bagi membangunkan bangunan yang chantek itu.



Tuan D. C. White sedang menggunting peta sa-bagai merasmikan pembukaan toh peh kong yang baharu di-Brunei (kanan) dan pemandangan toh peh kong itu (kiri).

Inspektor Carvalho

BANDAR BRUNEI — Senior Inspektor B.M.G. Carvalho dari Pasokan Pulis Negeri Brunei akan berlepas ka-England dengan kapal terbang pada hari Jumaat 6 January ini.

Beliau akan berlateh di-Pusat Latehan Pulis Metropolitan di-Hendon, London sa-lama enam bulan.

LAPORAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI

9 USUL DAN 3 RANG UNDANG2 DI-LULUSKAN

Sembilan usul dan tiga rang undang2 telah di-luluskan dalam sidang Majlis Meshuarat Negeri yang berlangsung pada 22 December tahun lepas setelah sidang itu di-tangguhkan sa-lama 2 hari akibat perselisihan faham atas sa-buah usul pindaan yang di-chadangkan oleh Setia Usaha Kerajaan tentang "Kelebehan2 Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri."

TITAH NASEHAT

Persidangan itu telah di-jalankan sa-mula sa-telah Duli Yang Maha Mulia menyampaikan titah nasehat baginda yang di-bachakan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, sa-laku Speaker, dalam sidang pada hari itu.

Titah nasehat Duli Yang Maha Mulia itu berbunyi :

"Oleh kerana ada berlaku perselisihan yang meyebabkan perselisihan faham dalam meshuarat ini pada 19hb Dec. 60; dari itu beta dengan sukachita menasehatkan supaya Kertas Majlis Meshuarat Negeri No. 17/60 itu di-tarek balek dan beta akan membuat peratoran2-nya."

Sa-telah itu Setia Usaha Kerajaan, sa-bagai mengalu2kan atas kedatangan ahli2 yang tidak rasmi itu telah menguchapkan ribuan terima kaseh atas titah nasehat dari Duli Yang Maha Mulia itu.

MENAREK USUL

"Semoga dengan itu persidangan akan berjalan dengan lancar. Saya dengan sukachita menarek balek usul tersebut", ujar beliau.

Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Yusuf, atas nama ahli2 majlis yang tidak rasmi telah menyambut titah nasehat dari Duli Yang Maha Mulia itu.

Pengiran Yusuf berkata :

"Sa-telah mendengar titah nasehat dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda, yang telah di-sampaikan oleh Duli Pengiran Speaker, yang mana baginda menasehatkan supaya usul pindaan Kerajaan di-Kertas Kerja No. 17/60 itu di-tarek balek, dan baru2 ini sudah pun di-tarek balek oleh Kerajaan, dan dalam hal ini baginda sendiri akan membuat peratoran2-nya, yang mana perhamba sakalian faham sebab2 penarekan usul tersebut ada-lah di-sebabkan perselisihan faham sa-mata2 antara ahli2 majlis, yang perhamba sakalian jelaskan dan akui bahawa perselisihan faham yang menyebabkan ahli2 bukan rasmi itu keluar bukan-lah kerana usul yang di-kemukakan walau

pun telah di-tolak oleh dua orang ahli, tetapi hanya-lah perselisihan faham.

"Maka dengan ini perhamba sakalian meminta dengan perantaraan Duli Pengiran Speaker akan menambahkan Kebawah Duli Baginda bahawa perhamba sakalian menjunjung titah nasehat itu dan akan mengerjakan titah perintah baginda untuk kepentingan ra'ayat dan Negara Brunei".

Suasana majlis persidangan hari itu dalam keadaan tenang membincangkan satu demi satu usul2 yang di-bawa ahli2, sa-hingga tercapai keputusan2 yang memuaskan.

Sa-buah usul yang agak panas di-perbincangkan ia-lah mengenai kepentingan buroh tempatan yang pada masa ini tidak mendapat perhatian dari pemborong2 dari luar negeri.

KEKURANGAN KERJA

Usul itu di-bawa oleh Yang Berhormat Inche Md. Jamil bin Omar, yang berbunyi :

"Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya buroh2 dari luar negeri yang di-bawa oleh pemborong2 masuk ka-dalam negeri ini hendak-lah tidak lebih dari 20% dari pada jumlah ramai buroh-nya."

Yang Berhormat Inche Jamil dalam menhadangkan usul-nya itu telah berkata bahawa memandang penganggoran di-Brunei mula tumbuh dan banyak kekurangan kerja terutama kepada anak2 negeri ini, sebab itu-lah usul ini di-hadapkan.

"Usul ini sudah tentu mendatangkan kesusahan kepada pemborong2 itu kerana tiada mendapat buroh2 yang chekap. Tetapi hingga sekarang ini sudah beberapa lama pemborong2 yang membuat kerja dalam negeri ini tidak menghiraukan sama sa-kali buroh2 tempatan, mereka tidak mahu melateh buroh2 tempatan, mereka tidak memberi peluang membuat kerja2 yang di-buat-nya", tegas Inche Jamil.

PEJABAT BUROH

Beliau juga mengulas hal2 Pejabat Buroh yang menyiarkan kerja2 kosong yang akan di-pe-nohi buroh2 tempatan; tetapi kerja2 dan tawaran2 itu adalah tidak menasabah, seperti kata perumpamaan Melayu "Melepaskan batok di-tangga," sahaja.

Dalam mempertahankan hujah2-nya Inche Jamil menceritakan bagaimana penderitaan dan kesusahan buroh2 tempatan yang hanya berharap

kerja2 dari majikan yang di-harap2kan-nya itu kebanyakan-nya di-ambil oleh buroh dari luar negeri.

"Mereka2 ada-lah susah dan menderita kehidupan-nya. Tidak hairan satu masa nanti akan berlaku perkara2 yang tidak di-ingini kerana tekanan penderitaan yang di-derita mereka", ujar Inche Jamil.

Yang Berhormat Inche Hashim bin Tahir sa-bagai penyokong usul itu telah berkata bahawa yang penting supaya lulus-nya usul ini ia-lah supaya memperbaiki taraf kehidupan buroh2 di-negeri ini.

Beliau menjelaskan : "Ranchangan lima tahun, mithalnya, hanya di-kechap oleh buroh2 dari luar negeri kerana tidak banyak menggunakan buroh2 tempatan, kebanyakan buroh2 yang di-datangkan dari Hongkong sahaja yang menikmati ranchangan2 itu".

Inche Hashim meramalkan bahawa kesusahan2 yang di-derita oleh buroh2 tempatan ini sudah tentu burok akibat-nya kepada Kerajaan, pada suatu masa nanti.

"Saya tidak menafikan ada pimpinan dari pemborong2 itu kepada buroh2 tempatan tetapi hanya sembilan2 sahaja. Saya harap Kerajaan tidak akan memberi kebebasan masuk kepada buroh2 asing ka-negeri ini," tambah beliau.

DI-PERTIMBANGKAN

Tuan D.B. Petherick, Pesuruh Jaya Buroh, juga ahli rasmi Majlis Meshuarat telah membangkang usul itu dan mendatangkan pertanyaan kepada ahli yang menhadangkan usul itu.

"Ada-kah maksud Ahli Yang Berhormat itu mengadakan kawalan yang ketat supaya dengan itu buroh tempatan boleh di-dapati?"

Pesuruh Jaya Buroh itu menegaskan bahawa buroh2 tempatan dalam mengerjakan kerja2 yang susah memang tidak akan di-dapati di-Brunei, kerja membuat kubah masjid, mithalnya, tiada buroh tempatan yang boleh membuat-nya.

Tuan D.B. Petherick menambahkan : "Perkara yang demikian itu harus-lah di-pertimbangkan baik2 kerana buroh2 tempatan kebanyakan tidak boleh membuat kerja2 itu."

Beliau juga menjelaskan betapa kesusahan2 buroh2 luar negeri mengambil anak2 tempatan bekerja terutama mengenai bahasa yang di-gunakan oleh pemborong2 itu tidak difahami oleh buroh2 tempatan, dan kebanyakan buroh2 tem-

patan tidak mahu pada kerja2 yang di-tawarkan.

"Perkara ini sudah di-bincangkan oleh Jawatan Kuasa yang di-lantek oleh Sultan," kata Tuan D.B. Petherick.

Pada peringkat akhir Yang Berhormat2 Dato Setia Marsal bin Ma'un, Inche Abd. Manan bin Muhammad, Inche Shahabuddin bin Salleh dan Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Setia Haji Md. Taha telah menyokong usul itu dan menolak sama sa-kali hujah2 dari Pesuruh Jaya Buroh itu.

BEKERJA SAMA

Dato Setia Marsal berkata : "Dalam mengatasi kesulitan ini kedua pejabat ia-itu Imegrisen dan buroh hendak-lah bekerja sama dan menjalankan tanggung jawab-nya masing2 dalam mendatangkan buroh2 dari luar negeri."

"Pegawai buroh nampak-nya kurang teliti kerana tidak ada perma'aluman yang luas dari Pejabat Buroh. Jawatan Kuasa telah di-bentok, tetapi tiada ranchangan yang di-buat-nya, saya harap perkara ini akan di-tor supaya berjalan dengan baik dan teratur".

Lain2 usul yang telah di-luluskan dalam persidangan hari itu ia-lah :

* Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya undang2 Perlembagaan No. 70, 71, 72, 73, 74, 75, 76, 77 dan 78 yang mengenai Surohan Jaya Perkhidmatan Awam di-jalankan kuat kuasa-nya mulai 1hb January, 1961. (Usul dari Inche Jamil).

* Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya Kerajaan Brunei menetapkan pada 29 September 1965 tarikh kemerdekaan Negeri Brunei dan menyediakan persediaan2-nya. (Usul asal dari Inche Shahbuddin dan di-pinda oleh Inche Jamil bin Omar).

* Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya Kerajaan mengkaji jika ada sa-suatu perjanjian yang bertulis yang telah di-buat di-antara Kerajaan Brunei dahulu dengan Kerajaan Sarawak yang menyebabkan da'erah Limbang menjadi jajahan ta'alok kepada Negeri Sarawak; jikalau-lah tidak ada langsung perjanjian di-buat oleh Kerajaan Brunei yang dahulu itu dengan Kerajaan Sarawak maka hendak-lah menjalankan perundingan dengan Kerajaan Sarawak untuk mengembalikan Jajahan Limbang itu balek kepada Kerajaan Brunei. (Usul dari Dato Setia Pengiran Haji Bakar bin Pengiran Pemancha Md. Salleh sa-telah di-pinda oleh Inche Jamil bin Omar).

(Bersambung di-muka 5)

Malam perpisahan Maktab Perguruan

BERAKAS.—Maktab Perguruan Melayu, Brunei telah mengadakan temasha Malam Perpisahan sa-bagai kenangan kepada penuntut2 tahun tiga maktab itu yang telah tamat latehan dan juga sa-bagai menyambut akhir tahun yang lalu pada malam 22 Dec.

Di-antara ramai para jempunan yang hadir di-temasha tersebut ia-lah Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei Yang Terutama Tuan D.C. White, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Setia Haji Mohamed Alam, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed, Pegawai Pelajaran Negara

yang maseh di-rasai oleh khususnya para pensharah dan penuntut maktab itu sa-lepas malam yang bersejarah tersebut, tiba2 telah tenggelam di-sanubari mereka saminggu kemudian kerana pengetua maktab itu, Tuan James Pearce telah meninggal dunia.

Temasha itu telah di-mulai dengan jamuan makan, di-turut dengan ucapan2 dan upacara menyampaikan sijnl dan hadiah2



Mendiang Tuan James Pearce, bekas Pengetua, Maktab Perguruan Melayu Brunei kelihatan memberi ucapan di-Malam Perpisahan maktab itu pada bulan December yang lalu.

Yang Berhormat Inche Idris bin Babji dan lain2-nya

Temasha itu ada-lah berupa satu temasha yang benar2 suka dan duka.

Sebab pun di-katakan sademikian ia-lah kerana pada malam tersebut semua para jempunan pengetua, pensharah2 dan penuntut2 maktab itu telah bersukachita.

Kenangan kesukachitaan itu

serta sumbangan nyanyian, tarian dan tablo oleh penuntut2 maktab itu.

Sijnl2 serta hadiah kepada penuntut2 maktab itu telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Sa-lepas itu para penuntut maktab tersebut telah mempersembahkan temasha Malam Anika Warna mengandongi berbagai2 achara yang meriah.

PEMENANG2 PERADUAN MENGARANG

BANDAR BRUNEI. — Inche Junaidi bin Mohamed Safar, sa-orang penuntut Anthony Abell College, Seria, berumur 17 tahun telah memenangi hadiah pertama dalam peraduan mengarang dibawah anjoran Radio Brunei, Bahagian Melayu pada minggu yang lalu.

Tajok peraduan karangan yang baharu itu ia-lah, "Manakah yang lebeh berguna di-antara wang dan pelajaran?"

Pemenang yang kedua dalam peraduan tersebut ia-lah Puan Mastunah Nawi yang tinggal di-nombor 8 A, Rumah Kerajaan Seria.

Lain2 pemenang ia-lah:

Dayang Intan binti Mat Kasim, Jalan Tengah, Bandar Brunei.

Puan Salmah Ibrahim, Kampong Sumbiling, Bandar Brunei.

Inche Abdul Moin bin Ismail, Guru Sekolah Melayu, Leila Menchanai, Kampong Ayer, Brunei.

Peraduan tersebut yang ketiga ada-lah bertajok, "Manakah yang lebeh baik—biar mati anak jangan mati 'adat atau biar mati 'adat jangan mati anak?"



Inche Junaidi

Segala karangan itu hendaklah di-alamatkan kepada Penerbit Rancangan Apa-kah Pendapat Tuan2, Radio Brunei, Bahagian Melayu, Bandar Brunei tidak lewat daripada hari Khamis 5 January.

D. Y. M. M. BERANGKAT KA-MALAYA

(Sambongan dari muka 1)

untuk menguchapkan selamat berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu kepada Duli Yang Maha Mulia dan putera2 Diraja tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Pesuruh Jaya Tinggi United Kingdom di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White, Ahli2 Majlis2 Meshuarat Diraja, Kerajaan dan Negeri dan para pembesar negara.

Pada tengah hari tersebut Duli Yang Maha Mulia telah ber-

sembahyang juma'at di-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-mana baginda sendiri telah berazan.

Dalam masa baginda berada di-luar negeri, dua orang wazir dan sa-orang cheteria telah dilantek menjadi Pemangku Raja, ia-itu Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Setia Haji Mohamed Alam dan Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh, Kadhi Besar Negeri Brunei.

HARI PELAJAR S.O.A.S. COLLEGE

BANDAR BRUNEI. — Beratus2 orang dewasa dan kanak2 sekolah telah menyaksikan temasha "Hari Pelajar" yang telah diadakan di-dewan Sultan Omar Ali Saifuddin College pada 16 December yang lalu.

Temasha itu telah diadakan di-bawah anjoran Persatuan Peminat Bahasa Melayu Pelajar2 S.O.A.S. College dengan beroleh kejayaan yang besar.

Pancharagam Puspa Ragam,

Bandar Brunei telah bermain di-temasha tersebut.

Hadiah2 kepada para peserta yang berjaya dalam peraduan2 tersebut telah di-sampaikan oleh Puan Naemah Yusof.



Satu pemandangan di-temasha "Hari Pelajar" S.O.A.S. College pada bulan yang lalu.

Laporan Majlis Meshuarat Negeri

(Sambongan dari muka 4)

* Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya melantek satu Lembaga yang bertanggung jawab untuk mengawal hal awal Jabatan Kerja Raya. (Usul dari Inche Jamil bin Omar).

* Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya Kerajaan mengadakan Jentera Perchetakan sendiri. (Usul dari Inche (Jamil)).

* Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya Jabatan Radio di-satukan dengan Jabatan Penerangan Brunei dengan di-ke-lolakan oleh Jabatan Penerangan Brunei. (Usul dari Inche Shahabuddin).

* Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya pada masa ini patut Kerajaan Brunei menyimpan padi dan ubat2 untuk orang ramai sa-lama chukup di-

pakai di-dalam dua tahun. (Usul dari Pehin Jawatan Dalam Dato Setia Haji Md. Nor); dan

* Majlis Meshuarat ini meluluskan supaya Kerajaan menyergerakan mengadakan sa-buah pusat latehan untuk melateh bakal2 petani dalam Negeri Brunei yang telah Kerajaan ura2kan itu. (Usul dari Haji Ghazali sa-telah di-pinda oleh Dato Setia Pengiran Md. Yusuf).

Tiga rang undang2 yang telah di-luluskan dalam sidang itu ia-lah:

* Rang Undang2 Perbekalan (1961), 1960;

* Rang Undang2 Mata Wang 1960; dan

* Rang Undang2 Perbekalan Tambahan (1960) (No. 2), 1960. — (AT).

PERUSAHAAN TANAMAN PADI PAYA

(Oleh INCHE AHMAD BIN HAJI ISMAIL)

Tentu tidak siapa yang menyangkal jika di-katakan bahawa yang terutama sa-kali bagi penduduk2 kita di-negeri ini khas-nya dan di-seluruh kepulauan Melayu am-nya, ia-lah beras sa-bagai asas makanan di-dalam negeri ini, maka tiada-lah boleh di-dapati lain2 jenis makanan yang ada di-tanam sa-chukup-nya sa-bagai ganti yang sa-banding dengan beras.

Dengan yang demikian ini nyata-lah bahawa tanaman padi ini amat mustahak di-perbaiki dan perusahaan-nya di-tambah lebeh2 banyak lagi.

Beras yang kita makan pada tiap2 hari ini hanya sedikit daripada hasil tanaman padi kita sendiri di-sini, tetapi kebanyakan-nya yang di-datangkan daripada lain2 negeri seperti Siam, Burma, Saigon dan lain2.

Pada hal di-dalam negeri kita ini maseh banyak tanah2 yang cukup luas serta subur untuk ber-tanam padi, tetapi sangat sedikit yang dapat di-tanam pada tiap2 tahun dan hasil-nya juga sangat berkurangan, jika di-anggarkan hanya cukup untuk sa-suku da-ri-pada jumlah penduduk.

Dengan demikian sa-kira-nya tiada datang dari lain2 negeri maka wajib-lah mereka yang ma-kan nasi mengurangkan chatuan beras-nya, dan terpaksa-lah men-chari serta menggunakan lain2 benda makanan seperti ubi2 ka-yu, keladi, jagong dan sagu sa-bagai ganti kekurangan beras itu.

SUSAH DI-PEROLEH

Ada dua perkara yang menye-babkan harus beras2 dagangan itu susah di-perolehi; pertama tana-man padi di-Siam dan lain2-nya tidak dapat di-harapkan sentiasa kejayaan-nya, kerana harus di-timpa oleh beberapa sebab, sa-perti kurang ayer kerana kema-rau atau pun sa-balek-nya.

Dan kedua-nya pula jikalau berlaku sa-barang kechemasan atau peperangan, boleh jadi ter-gendala sa-barang perniagaan serta kapal2 yang membawa be-ras ka-negeri kita ini.

Oleh yang demikian, sa-harus-nya kita semua akan menyedari dan menjalankan perusahaan de-ngan bersungguh2 serta meluas-kan tanaman2 padi, bermaana menambahkan hasil dan kema-moran.

Untuk menchapai hasil2 yang baik dan memuaskan, ada-lah bergantung kepada beberapa per-kara, sa-belum kita menjalankan satu2 tugas, maka perlu-lah di-fahami terlebih dahulu:—

1. Tanam-lah padi2 paya dengan sa-penoh-nya, mahu-lah ditambah lagi mana2 yang boleh atau terdaya.

2. Benih2 yang hendak di-gu-nakan, hendak-lah yang sa-habis2 baik dan sesuai boleh di-dapati.

3. Tanah kawasan padi itu

hendak-lah di-usahkan bersung-goh2 sa-hingga cukup sem-purna.

4. Segala batas2, tali2 ayer dan parit2 yang berhampiran atau di-dalam kawasan tanah padi, hen-dak-lah sentiasa di-bersehan daripada rumput2 dan semak2,

supaya tidak mengganggu kesu-boran-nya dan musuh tidak da-pat bersembunyi dan membiak.

5. Bantu-lah jiran2 pada ma-sa menanam padi mereka, jika mereka uzor atau oleh kerana lain2 sebab tiada boleh bertanam padi-nya.

6. Padi2 yang di-dapati itu simpan-lah baik2 dan di-jaga su-paya jangan di-serang oleh ulat2, burung2 pipit dan kena ayer hu-jan dan sa-bagai-nya.

Biasa-nya kita di-Negeri Bru-nei ini mengusahakan atau me-ngerjakan dengan berjijak sahaja bersama2 dengan ker-bau2, yang di-ikat dan ber-jalan berganding2 yang di-pandu oleh sa-saorang meng-ikut adat turun temurun, te-tapi jika kita tinjau di-negeri2 te-tangga kita atau yang telah maju dengan penanaman padi2 paya-

nya, ada-lah sangat berlainan, mereka menggunakan radu atau bajak.

Radu di-perbuat daripada ka-yu dan mata-nya besi yang khas kerana ini di-tarek oleh sa-ekor kerbau sahaja. Apabila di-tarek, maka radu itu akan masuk ka-dalam tanah dengan membalek2-kan tanah persawahan dengan pertolongan ayer. Kerja ini se-gara dan senang dari berjijak.

Sekarang di-negeri2 yang maju telah menchipta pula berbagai2 chara daripada radu dengan menggunakan jentera2 untok memberi kesenangan dan kemu-dahan dari menggunakan tenaga manusia.

JENTERA KUBOTA

Jentera itu bermacam2 chara dan bentuk-nya, ada yang besar, sedang dan kecil, pada kita yang sesuai, ia-lah yang kecil, jenis KUBOTA, di-perbuat dari Jepun.

Di-negeri yang berhampiran te-lah banyak menggunakan-nya de-ngan mendapat kemajuan dan sebutan baik, terutama sekali di-negeri2 Siam, Malaya dan lain2.

Jentera ini boleh di-pakai ber-bagai2 chara dan bentuk seperti radu, sisir atau sikat penghancor tanah dan perata, pemotong rumput dan pump ayer atau sa-um-pama-nya dengan menambahkan alat2 yang di-kehendaki kapada jentera itu sahaja.

Sungguh pun demikian, telah beberapa tahun lama-nya, Peja-bat Pertanian telah mengadakan berbagai2 pencehayaan dengan alat2 persawahan dari luar negeri seperti radu2 dan sisir atau sikat buat jadi contoh dan tuladan baik serta sesuai di-jalankan oleh ahli2 petani kita di-sini, tetapi ti-dak mendapat sambutan.

Perjumpaan 4B di-Seria

SERIA. — Barisan Buroh Bersatu di-ujudkan di-Negeri Bru-nei antara-nya ia-lah untuk melindongi kaum2 buroh dari tin-dasan2 yang kejam dari sebarang majikan yang tidak adil.

Demikian kata Inche Matar-sad Marsal, Yang Dipertua Agong, Barisan Buroh Bersatu Brunei dalam satu perjumpaan am Barisan Buroh Bersatu Da-erah Seria pada pagi hari Ahad yang lalu.

Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Inche Jas-sin Affendi, Timbalan Yang Di-pertua Agong 4B; Inche Abdul Hapidz, Setia Usaha Agong 4B; Inche Othman Abdul Latiff, Timbalan Setia Usaha Agong 4B, Inche Mahmood Salleh, Ke-tua Penerangan 4B; Inche Lamji Idris, Inche Ismail Agai, Inche Mohamed Sulaiman, Inche Ha-nafi, Inche Ahmad bin Mudim Haji Bakar dan lain2-nya.

29 SEPTEMBER 1965— BRUNEI MERDEKA

BANDAR BRUNEI. — Tarikh 29 September, 1965 Negeri Bru-nei akan menjadi sa-buah negara merdeka dan berdaulat. Men-jelang ka-tarikh matalamat kemerdekaan itu dari masa ini Kera-jaan akan menyediakan persediaan2 untok hari yang gemilang itu.

Keputusan ini telah di-ambil dalam Majlis Meshuarat Negeri yang bersidang pada 22 December tahun lepas.

Usul itu telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Inche Shah-buddin bin Saleh sa-telah di-pin-da oleh Yang Berhormat Inche Md. Jamil bin P.U.K. Haji Omar.

Menyatakan pendapat-nya menghadapkan usul itu, Inche Shahbuddin menegaskan bahawa masaalah kemerdekaan ada-lah mustahak kita fikirkan bersama kerana itu ada-lah satu perkara yang menjadi matalamat tiap2 negeri yang belum merdeka, teru-tama Negeri Brunei yang sudah bekerja sendiri ini.

"Hingga pada masa ini Per-lembagaan Negeri Brunei telah berjalan lebeh kurang sa-tahun lama-nya yang berarti kita telah menyelenggarakan pemerintahan sendiri. Dengan itu tentu-lah kita dapat mengukir betapa ke-bolehan kita—sama ada burok dan baik-nya—dalam mengan-dalikan negara kita itu," kata In-che Shahbuddin.

KEMERDEKAAN

Beliau juga menjelaskan baha-wa walau pun Negeri Brunei telah lama bernaung di-bawah pe-merintahan Inggeris, tetapi sa-lama itu Kerajaan tidak ada membuat persediaan2 kapada anak2 negeri, untok memimpin ka-arrah kemerdekaan.

"Dengan lulus-nya usul ini bererti kita akan menjadi satu bangsa yang berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa2 dunia ini."

"Untok menuju ka-arrah mata-lamat kemerdekaan itu maka dari sekarang ini kita harus bersedia

untok menempoh hari yang kita tunggu2 itu; tegas-nya sa-belum hujan sediakan payong", ujar In-che Shahabuddin.

Beliau juga telah menjelaskan bahawa pada tahun 1953 dahulu ada-lah tahun yang bersejarah, kerana pada tahun itu-lah terbit chita2 dari Duli Yang Maha Mu-lia membuat Perlembagaan Negeri Brunei.

MEMIMPIN KITA

Sa-lama itu, kira-nya benar2 Kerajaan memimpin kita ka-arrah chita2 kita itu, kata Inche Shaha-buddin, tentu-lah kita sudah mempunyai pemimpin2 yang pandai yang boleh mengandalikan pentadbiran negeri kita masa ini.

Akhir-nya Inche Shahabuddin berkata:

"Dalam melaksanakan chita2 ka-arrah kemerdekaan itu kita berharap kapada pegawai2 dari Malaya akan memimpin kita, kerana mereka itu telah menem-poh nasib-nya sa-rupa kita juga, apa lagi mereka telah merasai ti-ga macham chorak penjajahan."

Inche Md. Jamil yang meminda usul tersebut telah menerang-kan bahawa sudah sampai masa-nya kita mengambil langkah untok kemerdekaan kita sendiri, kerana baharu2 ini Persharikatan Bangsa2 Bersatu telah membim-bangkan masaalah negeri2 yang terjajah supaya di-beri kemerdekaan-nya sa-chepat mungkin.

"Faham penjajahan sudah di-hapuskan oleh PBB dengan meng-hapuskan perbezaan warna kulit", tegas Inche Jamil.

MATHEWS JADI JOHAN SUKAN BRUNEI — SARAWAK

SERIA. — K.C. Mathews, sa-orang ahli sukan yang terkenal di-negeri ini telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan sukan sa-chara bertulis antara ahli2 sukan dari Negeri Brunei dan Negeri Sarawak baharu2 ini.

Pertandingan sa-chara tersebut telah di-adakan di-bawah kelo- laan Tuan Tony Traill, Pelateh Sukan Sharikat Minyak Shell.

Mathews ia-lah ketua pasukan sukan Negeri Brunei di-temasha Sukan Seluruh Borneo di-Jessel- ton pada tahun 1960 dan juga ketua pasukan sukan negeri ini di-temasha sukan Kejohanan Ma- laya di-Pulau Pinang beberapa bulan yang lalu.

Menurut Tuan Traill, Mathews telah memperolehi sa-jumlah 2,655 mata.

Ia telah mengambil bahagian dalam tiga bahagian, ia-itu lari 220 ela dan 440 ela serta lari lompat pagar 440 ela.

Inche Ahmad Amin dari Nege- ri Sarawak telah mendapat gelaran yang kedua dalam pertandi- ngan tersebut dengan mencapai sa-banyak 2,390 mata.

Lima pasukan telah ber- tanding, ia-itu Pasukan Champo- ran Seria dan Belait, Sekolah Per- tukangan Sharikat Minyak Bru- nei Shell, Sarawak Constabulary, Perkhidmatan Pos dan Telegraph Sarawak dan Pasukan Bandar Kuching.

Semua-nya lebih daripada 100 orang ahli2 sukan telah bertan- ding.

Enam orang ahli2 sukan yang berjaya dalam pertandingan ter- sebut ada-lah seperti di-bawah ini :

1. K.C. Mathews (Pasukan Seria dan Belait) — 2,655 mata.
2. Ahmad Amin (Sarawak) — 2,390 mata.
3. Marzuki (Sarawak)—2,159 mata.

P. W. D. SPORTS CLUB MENGALAHKAN DAYAK CLUB

SERIA. — P.W.D. Sports Club, Kuala Belait telah mengalah- kan Shell Dayak Club, Seria dengan 5 gol tidak berbalas dalam satu pertandingan bola sepak bagi merebutkan Perisai Higgins.

Pertandingan itu telah di-lan- songkan di-padang Panaga Club di-sini dan di-saksikan oleh ramai para penuntun baharu2 ini.

Dengan kemenangan-nya itu, P.W.D. Sports Club maseh belum lagi dapat di-kalahkan semenjak pertandingan bola sepak itu di- jalankan tidak berapa lama da- hulu.

Pada sa-paroh masa yang per- tama P.W.D. Sports Club men- dapat 3 gol dan sa-lepas berehat pasukan itu mendapat 2 gol lagi.

Kassim telah menjaringkan 2 gol, manakala Mahmood, Samad dan Ali Noor 1 gol sa-orang bagi pehak P.W.D. Sports Club, Kuala Belait.

4. William Yeo (Sekolah Per- tukangan Sharikat Minyak Bru- nei Shell) — 2,119 mata.

5. Zunaidi Hamdan (Sekolah Pertukangan Sharikat Minyak Brunei Shell) — 2,047 mata.

6. Terrence Janting (Sarawak) — 1,977 mata.

Sementara itu ada-lah di-fa- hamkan bahawa Pertandingan Sukan Seluruh Kawasan Borneo British akan di-adakan di-Seria pada bulan July tahun ini.

Menurut pendapat Tuan Tony

Traill, beliau yakin bahawa ahli2 sukan di-negeri ini akan menjadi johan dalam berbagai2 bahagian di-temasha sukan.

Pendapat beliau itu ada-lah bersendikan kepada latehan yang beliau menganjorkan di-negeri ini semenjak beberapa minggu yang lalu.

Di-antara ahli2 sukan laki2 yang beliau perchaya akan men- ang di-temasha sukan tersebut ia-lah K.C. Mathews, Zunaidi Hamdan, H.L. Arabi, dan George Chong.

Lucy Ho dan Rose Chong, ah- li2 sukan wanita yang terkenal di- negeri ini juga ada-lah mempun- yai harapan yang baik untuk berjaya di-temasha sukan seluruh kawasan Borneo British pada ta- hun ini, kata lagi Tuan Tony Traill.

YOUNG BOYS TEAM MELAWAT MIRI

BANDAR BRUNEI. — "Young Boys Team" dari bandar ini telah mengalahkan Sekolah Melayu Anchi, Miri dalam pertandi- ngan2 bola sepak dan pimpong, tetapi kalah dalam pertandingan

nan sa-saorang dan 1 perlawan- an bergu.

Sekolah Melayu Anchi telah menang 2 perlawanan sa-saorang.

Dalam pertandingan badmin- ton pula yang telah di-langsong- kan di-Dewan Kemasharakatan juga, Sekolah Melayu Anchi te- lah mengalahkan Young Boys Team dengan 4 perlawanan ber- balas 3.

S.M.A. telah menang 2 perla- wanan2 sa-saorang dan 2 perla- wanan bergu, manakala Y.B.T. pula telah menang 1 perlawanan sa-saorang dan 2 perlawanan bergu.

Rombongan tempatan itu ada- lah mengandongi 31 orang, dan di-ketaui oleh Inche Mohamed Taib bin Abdul Latiff dari Jaba- tan Perubatan, Bandar Brunei.

Semua pemain2 dan penyokong pasukan Y.B.T. itu telah berang- kat ka-Miri dengan jalan raya pada pagi 25 December dan ba- lek ka-Bandar Brunei pada pe- tang 26 December.

KLAB MELAYU MENANG

SERIA. — Klab Melayu Shell telah mengalahkan Klab Dayak Shell dalam pertandingan bola sepak kerana merebutkan Piala Higgins dengan 7 gol ber- balas 1.

Pertandingan tersebut te- lah di-langsungkan di-Pa- dang Marina dan di-saksi- lam oleh ramai para penun- tun.

Gol yang tunggal di-per- olehi oleh Klab Dayak itu di-jaringkan oleh sayap kiri- nya, William Giri.

Tidak berapa lama kemu- dian Klab Melayu telah ber- hasil mendapat satu gol di- jaringkan oleh Ibrahim Ghani dan sa-belum tamat pertengahan yang pertama Klab Melayu telah memper- olehi gol-nya yang kedua di- jaringkan oleh Kadir.

Sa-telah pertandingan itu di-sambungkan sa-mula, Klab Melayu Shell telah mendapat 5 gol lagi. Ib- rahim Ghani telah menja- ringkan 3 gol, manakala Kadir pula menjaringkan 2 gol.

De- ngan kemenangan-nya itu Klab Melayu Shell ada- lah menduduki tempat yang ketiga dalam pertandingan Piala Higgins tersebut.

PERTANDINGAN PERSAHABATAN

BANDAR BRUNEI. — Persa- tuan Bekas Penuntut2 Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengalahkan Pulis Bandar Brunei dengan 4 gol tidak berbalas da- lam satu pertandingan bola sepak.

Pertandingan itu di-adakan sa- chara persahabatan di-Padang Bandar Brunei.

Mohamed Haji Ismail telah menjaringkan 2 gol, manakala Awangku Yassin dan Awangku Madon menjaringkan 1 gol sa- saorang, bagi pasukan yang men- ang itu.



Gambar ramai guru2 dan murid2 S.O.A.S. College yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan bola sepak pakaian beragam sabagai menyambut penggal akhir persekolahan tahun 1960.

Pada masa lagu kebangsaan dibunyikan....

KUALA LUMPUR. — Penuntun2 wayang gambar disini akan di-kehendaki berdiri pada masa Lagu Kebangsaan di-bunyikan.

Perkara tersebut ia-lah satu daripada keputusan2 yang di-persetujukan dalam persidangan Majlis Meshuarat Bandaran, Kuala Lumpur baharu2 ini.

Meshuarat tersebut akan memberi tahu kepada wayang2 gambar tempatan meminta para penuntunnya berdiri pada masa Lagu Kebangsaan itu di-bunyikan.

KURSUS UGAMA

TRENGGANU. — Lebih daripada 200 orang pegawai2 Kerajaan dan isteri mereka di-jangka akan menghadiri kursus agama mulai pada bulan ini.

Kursus tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Jabatan Agama Negeri Trengganu dan akan di-adakan pada tiap2 hari jumaat selama dua jam. Demikian di-beritakan oleh akhbar Berita Harian.

GARCIA AKAN MELAWAT MALAYA

KUALA LUMPUR. — Tuan Carlos Garcia, Presiden Negeri Filipina akan melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu sa-chara rasmi pada bulan February hadapan.

Beliau akan berada di-Malaya sa-lama empat hari mulai dari 8 hari-bulan February.

Presiden Filipina itu telah di-jadualkan hendak melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada bulan September yang lalu.

Beliau telah tidak dapat melawat ka-Persekutuan Tanah Melayu pada bulan tersebut oleh kerana keuzoran-nya dan juga kerana

TOLAK DA'WAAN

BANGSA2 BERSATU, (New York) — Majlis Perhimpunan Agong telah menolak da'waan Portugis bahawa wilayah2-nya di-sebarang laut ia-lah "jajah-han2" dan dengan rasmi-nya menyatakan mereka ada-lah wilayah2 yang tidak berkerajaan sendiri.

Dalam satu undian, Majlis itu telah menerima dengan 68 undi melawan enam dengan 17 tidak mengundi, satu rangka ketetapan yang telah di-setujui terdahulu dari itu oleh jawatankuasa amanah.

R. A. B. akan menolong orang2 Algeria

KAHIRAH — Presiden Gamel Abdul Nasser menyatakannya kepada Tuan Ferhat Abbas, Perdana Menteri Kerajaan Sementara Algeria bahawa Republik Arab Bersatu akan menyatukan segala tenaga untuk menolong orang2 Algeria berjuang menchapi kebebasan.

Presiden Nasser berkata demikian dalam surat jawapan-nya kepada Tuan Ferhat Abbas mengenai kedudukan di-Algeria.

Sementara itu, sa-ramai 10,000 orang Mesir semalam telah berkumpul di-jalan2 raya di-sini sambil mekekek chogan2 kata menuntut sa-buah negara merdeka untuk orang2 Arab Algeria..

Orang2 yang menunjok perasaan itu, yang membawa kain2 bentangan yang menchela "sikap keganasan Peranchis" telah mekekek chogan2 kata yang berbunyi "mati-lah orang2 Peranchis yang ganas" dan "hanchorkan penjajah Peranchis."

Orang ramai itu telah berkumpul di-jalan2 raya dari suboh2 lagi untuk menghadiri rapat umum merayakan hari Algeria..

Rapat umum itu, yang di-hadiri oleh wakil2 Arab dan negara2 Afro-Asia, telah meluluskan ketetapan2 menyeru perkhidmatan sukarela untuk berjuang melawan Peranchis di-Algeria, mendesak Pope John dan lain2 ketua agama Kristian

supaya menyeru Peranchis menghentikan "pembunuhan2 kejam ka-atas orang2 Algeria."

Satu di-antara ketetapan itu

Kapal terbang membawa pelajar2 jatuh

MUNICH, Jerman. — Sa-buah kapalterbang Angkatan Udara Amerika Sharikat yang membawa pelajar2 Amerika untuk berchuti Hari Krismas telah jatuh terhempas dan terbakar atas sa-buah tram di-sabatang jalan yang ramai baharu2 ini.

Semua penumpang-nya sa-ramai 19 orang bersama kira2 50 orang penumpang motorkar yang di-hempap-nya dan orang2 yang berjalan telah mati. Kira2 60 orang lain telah terchedera.

Kemalangan itu berlaku sa-waktu kapalterbang dua jentera itu chuba mendarat sa-chara dharurat tidak lama sa-lepas ia berangkat untuk terbang ka-England.

Kemalangan itu di-beritakan berlaku tidak pun sampai 24 jam sa-telah berlaku kemalangan udara yang paling dahshat dalam sejarah Amerika manakala dua buah kapalterbang besar berlanggar di-angkasa New York.

Perlanggaran itu telah menyebabkan suatu penyiasatan di-jalankan sedang sa-orang kanak2 yang berumur 11 tahun yang maseh hidup dalam kemalangan itu, Stephen (Sandy) Baltz, juga telah mati.

Jumlah kematian dari kemalangan tersebut telah meningkat kepada 142 orang dan pehak2 yang berkuasa berasa chemas kalau2 jumlah tersebut bertambah lagi.

Kira2 beberapa orang yang tinggal dan bekerja di-daerah Brooklyn maseh lagi di-beritakan hilang. Pekerja2 penyelamat bimbang maseh banyak lagi mayat akan di-jumpai di-dalam runtohan2 itu.

Kemalangan udara di-New York itu berupa kejadian dahshat yang ke-9 dalam tahun ini.

THOMAS CUP: Malaya kalah

BANGKOK. — Negeri Siam telah mengalahkan Malaya dengan 7 perlawanan berbalas 2 dalam pertandingan badminton Thomas Cup bahagian sa-paroh akhir bagi kawasan Asia.

Pertandingan itu telah dilangsungkan di-Bangkok pada 23 dan 24 December yang lalu.

menyeru negara2 Arab dan Afro-Asia supaya mengambil langkah2 yang tegas untuk menolong orang2 Algeria mendapatkan kemerdekaan penuh.

Rapat2 umum telah di-adakan juga di-Damshek, Iskandariah dan di-lain2 bandar Republik Arab Bersatu.

Sementara itu, Komunis Korea Utara telah mengeluarkan satu kenyataan rasmi menuduh Amerika Sharikat menolong Peranchis melakukan "pembunuhan sa-chara kejam" katas orang2 Islam Algeria di-Kasbah, Algiers.

Harapan Gabnor Melaka

MELAKA. — Gabnor Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Dato Haji Abdul Malik bin Yusof telah menyatakan harapan-nya supaya ahli2 Klab Pemuda Pemuda Negeri Melaka khas-nya akan menunjokkan tauladan yang baik kepada ra'ayat dengan chara menolong Ranchangan2 Pembangunan Luar Bandar yang akan di-jalankan di-kampung2 mereka.

Demikian menurut akhbar "UTUSAN PEMUDA" yang di-terbitkan di-Kuala Lumpur. Akhbar tersebut berkata bahawa harapan itu telah di-lahirkan oleh Gabnor Negeri Melaka pada masa beliau memberi ucapan di-persidangan belanjawan Dewan Undangan Negeri Melaka baharu2 ini.

Sir Roland meninggal

LONDON. — Bekas Gabnor Borneo Utara, Sir Roland Turnbull telah meninggal dunia di-London baharu2 ini.

Beliau ia-lah juga bekas British Resident, Brunei.

Ucapan2 ta'ziah telah di-irimkan kepada Lady Turnbull oleh Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Tuan D. C. Whate, bagi pehak Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan Brunei.